

Akademi Filem FINAS di Sabah

Oleh Rafiqah Dahali - Jun 6, 2022 @ bhnews@bh.com.my



Md Nasir menyifatkan, pertemuan dengan Yayasan Sabah satu langkah positif dalam memacu industri perfileman negara. - NSTP/Mohd Adam Arinin

KUALA LUMPUR: Kayu pengukur kejayaan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) bukan cuma dinilai dari segi jumlah penerbitan, mahupun kutipan filem di pawagam.

Namun, FINAS menjadi nadi penggerak industri perfileman negara dalam era globalisasi ketika pasaran filem semakin terbuka luas, saingan teknologi dan memulakan langkah agresif dengan menyertai pelbagai festival filem antarabangsa bagi melihat filem tempatan berdaya saing dengan karya global.

Sejak wujudnya FINAS selama 41 tahun, impak industri perfileman negara menyaksikan dunia filem di Malaysia menjadi perhatian ramai sehingga begitu banyak institusi pengajian tinggi awam dan swasta menyediakan kursus berkaitan perfileman demi melahirkan lebih ramai pelapis dalam bidang pembikinan filem, selain membangunkan industri kreatif tempatan.

Dahulu, hanya FINAS menyediakan kursus perfileman menerusi Akademi Filem FINAS yang mula beroperasi pada 1 Disember 1987, namun kini pengajian filem sudah menjadi satu cabang silibus yang mendapat perhatian generasi baharu dalam menerokai ilmu perfileman.

Md Nasir menyifatkan, pertemuan dengan Yayasan Sabah satu langkah positif dalam memacu industri perfileman negara.

Katanya, menerusi sesi perbincangan itu, FINAS akan menggunakan kemudahan premis, tenaga kerja pentadbiran dan peralatan yang dimiliki University College Sabah Foundation (UCSF) di bawah kendalian Yayasan Sabah dalam melaksanakan kursus berkaitan perfileman.

Berikutan itu, katanya, sesi saringan perolehan (pitching) sudah dijalankan dengan menyenarai pendek syarikat dan persatuan yang bertanggungjawab melaksanakan kursus perfileman di Yayasan Sabah.

"Mengikut perancangan, kerjasama ini akan bermula pada Julai depan. Dengan prasarana disediakan Yayasan Sabah dan UCSF, kami akan berbincang mengenai penyelarasan.

"Sebelum kursus dilaksanakan, FINAS perlu tahu mengenai kursus apa yang hendak ditawarkan, bagaimana pelaksanaannya dan apakah hasil yang diperolehi.

"Jadi, FINAS mahu kursus dilaksanakan berguna dan bermanfaat dalam tempoh yang berpanjangan.

"Sebolehnya, FINAS mahu mengelakkan pembaziran dengan melakukan sesuatu tanpa perancangan yang betul," katanya yang ditemui BH Online pada lawatan ke Yayasan Sabah di Menara Tun Mustapha, Kompleks Yayasan Sabah, Teluk Likas, Kota Kinabalu, Jumaat lalu.



Md Nasir (dua dari kanan) pada perbincangan dengan Yayasan Sabah dalam usaha melahirkan pelapis generasi baharu dengan penubuhan Akademi Filem FINAS di Menara Tun Mustapha, Kompleks Yayasan Sabah, Teluk Likas, Kota Kinabalu, Jumaat lalu. - NSTP/Mohd Adam Arinin

Md Nasir percaya pelaksanaannya akan pincang dan tidak bermanfaat seperti diharapkan jika tiada perancangan.

"FINAS akan melantik ahli akademik dan penggiat industri perfileman berpengalaman demi membangunkan satu modul sebagai panduan dalam usaha melahirkan pelapis generasi baharu bidang perfileman," katanya.

Mengulas pemilihan Yayasan Sabah bagi menjalin kerjasama strategik, Md Nasir menjelaskan, Yayasan Sabah terlebih dahulu menawarkan diri untuk terbabit dalam usaha berkenaan.

"Yayasan Sabah menawarkan diri apabila mengetahui FINAS mempunyai perancangan menubuhkan Akademi Filem FINAS di Sabah.

"Jadi, perbincangan saya dengan Yayasan Sabah lebih fokus kepada kursus jangka pendek dan praktikal agar ilmu yang dicurahkan bermanfaat untuk masa depan industri perfileman.

"Yayasan Sabah mempunyai banyak aset yang boleh dikongsi. Saya nampak ia adalah satu peluang di mana FINAS tidak perlu membina bangunan, prasarana, pentadbiran dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata, kerjasama strategik itu dapat menjimatkan masa dan lebih fokus dalam penyediaan modul dan program untuk kursus perfileman.

"Semua aspek penting dalam penghasilan filem akan diajar seperti pengarahannya, penulisan skrip, penggunaan dron untuk filem, solekan kesan khas dan kerja di sebalik tabir," katanya.